



**SIARAN AKHBAR
JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN**

*** PELANCARAN SISTEM PENYEWaan KEMUDAHAN KERAJAAN
(FACILITIES RENTAL SYSTEM)**

Kementerian Kewangan dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Jabatan Perbendaharaan untuk melaksanakan projek Sistem Penyewaan Kemudahan Kerajaan atau *Facilities Rental System* (FRS) secara *Public Private Partnership* dengan kerjasama Syarikat Telekom Brunei Berhad (TelBru). Projek ini akan dilaksanakan secara projek rintis (*pilot project*) bermula pada **1hb September 2016**.

Sehubungan dengan itu, orang ramai khususnya pengguna-pengguna kemudahan awam yang berhasrat untuk menyewa kemudahan-kemudahan yang dikendalikan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti padang bola sepak, dewan-dewan, gelanggang-gelanggang sukan dan lain-lain bolehlah membuat tempahan untuk menggunakan kemudahan tersebut dengan melayari laman sesawang www.12book.com.bn. Selain dari membuat tempahan, para pengguna juga boleh membuat pembayaran secara online disamping dapat mengetahui pelbagai kemudahan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan termasuk kadar sewa yang dikenakan.

Penggunaan FRS ini adalah dihasratkan bagi Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dalam pengurusan aset-aset kerajaan dengan lebih bersistematik disamping untuk memudahkan serta meningkatkan kutipan hasil Kerajaan melalui pembayaran secara online. Sistem tersebut juga bertujuan untuk menjimatkan kos pengurusan kemudahan, memperluaskan saluran pemasaran dan mempromosikan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Bagi para pengguna pula akan dapat membuat tempahan ke atas kemudahan-kemudahan yang disenaraikan di dalam laman sesawang tersebut serta membuat pembayaran dan pembatalan secara *online*.

Jabatan-Jabatan yang akan terlibat dalam projek ini adalah Kementerian Kewangan, Pusat Persidangan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan lain yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan dan berhasrat untuk menggunakan kemudahan FRS ini bolehlah menghubungi Jabatan Perbendaharaan di talian telefon 2383444 atau melalui emel ppp@treasury.mof.gov.bn bagi maklumat lanjut mengenainya.

*Jabatan Perbendaharaan
30 Ogos 2016*

